

**TEKS UCAPAN
YBHG. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM**

**MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN & KIBAR JALUR
GEMILANG 2024 PERINGKAT UTeM**

اوینیورسیتی تکنیکال مالاکا
• 14 Ogos 2024 / 8.45 pagi

DATARAN UTeM


UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


Terima kasih pengacara majlis

Bismillahirahmanirahim

SALUTASI

-Seperti di Lampiran

- 
1. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnianya, dapat kita bersama-sama dalam **MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN & KIBAR JALUR GEMILANG 2024 PERINGKAT UTeM.**

- 
2. Sebagaimana sedia maklum, Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini **bertemakan "Malaysia Madani: Jiwa Merdeka"**. Tema ini harus dijiwai oleh warga UTeM melalui penghayatan mendalam terhadap nilai-nilai teras kemerdekaan yang menekankan kebebasan minda, integrasi sosial, dan pembangunan ekonomi yang inklusif.
 3. Dalam suasana akademik yang berbilang kaum dan budaya, **warga UTeM harus memperkuuh semangat patriotisme dan kecintaan kepada negara dengan mengamalkan prinsip integriti, kerjasama, dan inovasi** dalam setiap aspek kehidupan kampus.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian

4. Pelancaran bulan Kebangsaan serta pengibaran Jalur Gemilang dianjurkan sebagai tanda penghormatan yang mendalam terhadap legasi perjuangan nenek moyang kita yang terdahulu bermandi darah meraih kebebasan, daripada cengkaman penjajahan asing, sekaligus mengukuhkan kedaulatan tanah air tercinta.

5. Walaupun tidak lagi dibelenggu penjajah, namun kita masih lagi sentiasa berdepan dengan cabaran mendatang yang boleh menggugat keharmonian yang terjalin selama ini. Cabaran paling besar adalah apabila kita masih terperangkap dengan jiwa kita sendiri.

6. Saya menyeru kepada seluruh warga UTeM untuk **melihat kemerdekaan bukan dari sudut penjajahan fizikal semata-mata bahkan dari penjajahan minda dan jiwa**. Apatah lagi penjajahan jiwa itu dari kita sendiri. Saya ambil contoh budaya kerja **yang tidak bersungguh-sungguh, kata-mengata, kerja sambil lewa** adalah antara simpton-simpton bahawa jiwa kita belum merdeka dalam konteks pekerjaan kita di UTeM.

7. Maka dengan itulah, bertepatan dengan tema Malaysia Madani; Jiwa Merdeka ini, sama-sama kita mengembang tenaga, bersatu padu dalam membawa naratif budaya jiwa merdeka. Untuk UTeM kita juga!

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian

8. Sebagai warganegara, kita seharusnya berasa bertuah menjadi sebahagian daripada rakyat negara yang berdaulat dan merdeka kerana kita dapat **mengecapi kehidupan dalam suasana yang harmonis, aman serta sejahtera.**

9. Dengan nikmat kemerdekaan, rakyat di negara ini hidup lebih selesa, harmoni dan makmur serta bertolak ansur dalam menjalankan hubungan sillaturrahim sekaligus perpaduan kaum. Perpaduan adalah suatu nikmat yang amat berharga dan tidak ternilai harganya. Oleh itu, ia perlu dibelai, dipupuk dan dipertahankan sampai bila-bila.

10. Sebagai tanda warga universiti yang berjiwa merdeka, saya juga menyeru kepada semua warga UTeM untuk sama-sama menyumbang kepada masyarakat setempat. Untuk pengetahuan semua, UTeM telah terpilih dalam **Program Kampung Angkat Madani Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Di Kampung Pulau, Alor Gajah, Melaka**. Disinilah kita ingin membuktikan kepakaran kita boleh memberi impak yang berkesan kepada pembangunan holistik terhadap masyarakat. Selain itu, terdapat dua kampung lain iaitu **Kampung Kuala Sungai Baru** dan **Kampung Nibong Ayer Molek** turut berada dalam radar universiti kita sebagai kampung angkat yang ingin kita salurkan kepakaran pensyarah dan pelajar kita.

11. Pepatah ada menyatakan “bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat”. Apapun inisiatif “jiwa merdeka” yang universiti laksanakan, pastinya menuntut kerjasama yang erat dalam kalangan semua pihak yang terlibat. Jika tidak setiap dasar yang digarapkan hanyalah umpama tin kosong semata-mata.

12. Oleh itu marilah sama-sama kita mulakan hijrah minda kita dengan langkah pertama iaitu bebaskan minda kita dari penjajahan negatif diri sendiri. Berikan peluang kepada diri untuk berusaha memajukan diri sendiri seiring dengan misi dan isi universiti agar kita terus cemerlang, gemilang, terbilang.

PENUTUP

13. Akhir sekali, saya ucap syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha menjayakan majlis pada hari ini. Saya harap agar kita semua dapat menghayati pentingnya erti sebuah kemerdekaan dan mempertahankan perpaduan kita.
14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan BULAN KEBANGSAAN & KIBAR JALUR GEMILANG 2024 PERINGKAT UTeM